Department of Higher Education
Ministry of Higher Education Malaysia
Floor 1-3, Block E9, Complex E, Presint 1
Federal Government Administration Center
62505 Putrajaya, Malaysia

Tel: 603 8883 5999
Fax: 603 8889 4119
Email: webmasterjpt@mohe.gov.my
Website: www.mohe.gov.my

PENERBIT UKM
UKM PRESS

Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia

Tel: 603 8921 5321
Fax: 603 8925 4575
Email: penerbit@ukm.my
Website: www. ukm.my/penerbit

ISBN 978-983-3663-58-3

9 789833 663583

# HALA TUJU
## PENGAJIAN ISLAM
## DI MALAYSIA



JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

# HALA TUJU PENGAJIAN ISLAM DI MALAYSIA

# HALA TUJU PENGAJIAN ISLAM DI MALAYSIA

JABATAN PENGAJIAN TINGGI
PUTRAJAYA • 2010

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2010
Hak cipta / *Copyright* Jabatan Pegajian Tinggi Malaysia, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia terlebih dahulu.

*All rights reserve. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any from or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from* Jabatan Pendidikan Tinggi Malaysia.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
JABATAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA
Aras 1-3, Blok E9, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62505 Putrajaya.
e-mel:jpt@mohe.gov.my

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
http://www..ukm.my/penerbit
e-mel:penerbit@ukm.my

Reka letak oleh / *Typesetting by*
SABARIAH HASSAN

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Hala tuju Pengajian Islam di Malaysia / disediakan oleh Panel Penyelidik Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia.
Islam--study and teaching--Malaysia. 2. Islamic education--study and teaching--Malaysia. 3. Panel Penyelidik Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia.
297.0711595
ISBN 978-967-942-942-8

# KANDUNGAN

PRAKATA…*vii*
PENGHARGAAN…*ix*
SINOPSIS…*xi*
JAWATANKUASA INDUK HALA TUJU…*xiii*
URUS SETIA PELAKSANA…*xiv*
PANEL PENASIHAT…*xv*
PANEL PENYELIDIK…*xvi*

**BAB I PERKEMBANGAN PENGAJIAN ISLAM DI MALAYSIA**

1.1 Pengenalan…*1*
1.2 Bentuk Pengajian Islam di Malaysia…*1*

1.2.1 Pondok…*1*
1.2.2 Sekolah…*4*
1.2.3 Kolej Islam Malaya…*4*
1.2.4 Kolej dan Kolej Universiti…*5*
1.2.5 Universiti…*7*

1.3 Kesimpulan…*7*

**BAB II SISTEM PENGAJIAN ISLAM DI MALAYSIA MASA KINI**

2.1 Pengenalan…*9*
2.2 Bentuk / Struktur Program Pengajian Islam sedia ada…*10*

2.2.1 Prauniversiti…*10*
2.2.2 Ijazah Sarjana Muda…*12*

2.3 Syarat Kemasukan ke Program Prauniversiti dan Ijazah Sarjana Muda…*19*

2.3.1 Syarat kemasukan ke Program Prauniversiti…*20*
2.3.2 Syarat kemasukan Ijazah Sarjana Muda…*26*

2.4 Kualiti Pensyarah…*49*
2.5 Kesimpulan…*49*

**BAB III KEKUATAN DAN PERMASALAHAN PENGAJIAN ISLAM DI MALAYSIA MASA KINI**

3.1 Pengenalan…*52*
3.2 Metodologi Kajian…*52*
3.3 Kekuatan Pengajian Islam di Malaysia…*52*
3.4 Perkara yang perlu Diberi Perhatian…*54*
3.5 Kesimpulan…*59*

**BAB IV CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

4.1 Pengenalan…*61*
4.2 Cadangan Penambahbaikan…*61*
4.3 Kesimpulan…*70*

**BAB V PEMETAAN HALA TUJU DAN MODEL PENGAJIAN ISLAM DI MALAYSIA**

5.1 Pengenalan…*71*
5.2 Falsafah Pengajian Islam…*71*
5.3. Keberhasilan Utama Pengajian Islam…*71*
5.4. Bidang Keberhasilan Utama, Strategi, Penunjuk Prestasi dan Tindakan…*72*
5.5 Syarat Kemasukan ke Program Pengajian Islam…*79*

5.5.1 *Tamhidi…79*
5.5.2 Ujian Kelayakan…*80*
5.5.3 Lulus MUET…*81*

5.6. Cadangan Model Pengajian Islam di Malaysia…*83*

**LAMPIRAN**
Lampiran 1 Struktur Kursus Matrikulasi/Asasi/*Tamhidi…85*

**RUJUKAN…***93*

# PRAKATA

Bidang Pengajian Islam adalah satu bidang penting untuk pembangunan sesebuah negara. Bidang ini berfungsi menyeimbangkan proses pembangunan bagi menghasilkan kestabilan dan kelestarian sesebuah negara tersebut. Dalam konteks Malaysia, Pengajian Islam menjadi lebih penting lagi kerana agama Islam itu sendiri, sebagaimana terungkap dalam *Perlembagaan Persekutuan,* merupakan agama bagi Persekutuan. Malahan, Yang Amat Mulia Tun Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia telah mengisytiharkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam. Oleh itu, pelbagai sektor kehidupan dalam Negara Malaysia hanya boleh digerakkan dengan baik apabila mendapat *input* dan nasihat pakar daripada bidang Pengajian Islam.

Sehubungan dengan itu, bidang Pengajian Islam mestilah diberikan kedudukan yang sewajarnya di Malaysia. Aspek-aspek kurikulum, proses pengajaran dan pembelajaran, kualiti pelajar, tenaga pengajar, prasarana dan perkara-perkara lain yang berkait dengan bidang pengajian ini mestilah diberi perhatian serius oleh pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, yang lebih utama dalam konteks ini ialah hala tuju bidang pengajian ini mestilah jelas dan terfokus supaya dapat menghasilkan jenis produk yang dapat diguna pakai dan berfungsi dengan baik dalam persekitaran yang sentiasa berkembang dan beragam sama ada pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

Selaras dengan keperluan ini, pihak Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia pada bulan Oktober 2006 yang diberi tanggungjawab untuk mencadangkan kaedah terbaik untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan serta perundingan dan khidmat nasihat dalam bidang Pengajian Islam. Namun, kertas cadangan yang dikemukakan dan peruntukan kewangan yang dipohon oleh pihak Jawatankuasa hanya diberikan kelulusan oleh pihak Jabatan Pengajian Tinggi pada akhir Oktober 2007.

Bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini pihak Jawatankuasa Induk Hala Tuju telah menubuhkan sebuah Urus Setia Pelaksana, di samping mengenal pasti sejumlah autoriti dalam bidang Pengajian Islam di Malaysia dan melantik mereka sebagai Panel Penasihat.

Urus Setia Pelaksana merupakan penggerak utama kerja-kerja ke arah memenuhi kehendak terma rujukan yang dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Induk Hala Tuju. Urus setia ini bermesyuarat secara berkala dan menubuhkan sebuah panel penyelidik bagi menjalankan satu penyelidikan untuk mendapatkan data-data yang diperlukan. Dalam proses penyelidikan, di samping menggunakan reka bentuk tinjauan yang melibatkan teknik soal selidik dan temu bual, pihak penyelidik secara khusus mengunjungi para Panel

Penasihat bagi mendapatkan pandangan dan nasihat mereka berhubung dengan bentuk dan hala tuju Pengajian Islam di Malaysia yang diperlukan pada masa depan. Dapatan daripada penyelidikan, termasuk nasihat dan pandangan daripada Panel Penasihat dibengkelkan bersama dengan Jawatankuasa Induk Hala Tuju dan juga Panel Penasihat bagi mendapatkan pandangan dan pengesahan daripada kedua-dua pihak berkenaan.

Dapatan terakhir daripada proses yang telah disebutkan, maka sebuah laporan keseluruhan Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia dikemukakan kepada pihak Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Diharapkan agar cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam laporan ini akan dapat dilaksanakan bagi memantap dan memartabatkan bidang Pengajian Islam di Malaysia.

**PROF. ZAKARIA STAPA**
Pengerusi
Jawatankuasa Induk Hala Tuju

# PENGHARGAAN

Pertama-tama sekali setinggi kesyukuran dipanjatkan ke Hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan $^{c}$inayah-Nya Laporan Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia ini dapat disiapkan dan disempurnakan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w yang membawa obor cahaya keislaman ke serata alam.

Jawatankuasa Induk Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia dengan ini ingin merakam ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada YB Menteri Pengajian Tinggi Malaysia dan Mantan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, YB Dato' Mustapa Mohamed atas segala sokongan dan input berguna yang diberikan kepada Jawatankuasa. Jawatankuasa ini juga dengan penuh rasa sukacita merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada YBhg. Dato' Profesor Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia serta Mantan Ketua Pengarah, YBhg. Dato' Prof. Dr. Hassan Said atas kepercayaan yang diberikan kepada pihak Jawatankuasa Induk Hala Tuju Pengajian Islam bagi menjalankan tugas yang berat dan amat penting ini.

Jawatankuasa ini juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para Panel Penasihat yang telah sudi memberikan pandangan yang bernas dan nasihat yang amat berguna dalam proses penyediaan laporan ini. Kerjasama yang diberikan oleh para pensyarah, pelajar, graduan dan majikan yang terlibat dalam proses penyelidikan ke arah menyediakan laporan ini adalah juga amat dihargai.

Terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Urus Setia Pelaksana dan Panel Penyelidik serta Pembantu Penyelidik yang sesungguhnya tanpa kegigihan dan penat lelah mereka tugasan berat ini tidak mungkin akan terlaksana dengan jayanya.

Akhir kata, pihak Jawatankuasa Induk Hala Tuju Pengajian Islam memanjatkan doa ke hadrat Allah SWT agar menjadikan segala apa yang kita sama-sama sumbangkan sini sebagai amal soleh yang amat bermakna kepada kehidupan dunia dan akhirat.

# SINOPSIS


Malaysia adalah sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai agama Persekutuan, bidang Pengajian Islam adalah satu bidang pengajian yang amat penting bagi menyempurnakan tuntutan kehidupan harian warganya, di samping menyumbang kepakaran pada peringkat antarabangsa. Oleh itu, bidang Pengajian Islam ini mestilah jelas dan terfokus hala tujunya, malahan hala tujunya itu mestilah sentiasa dinilai dari semasa ke semasa bagi menentukan ia selaras dengan peredaran dan tuntutan zaman, serta dapat melahirkan produk yang sesuai untuk kegunaan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Selaras dengan hal ini satu kajian bagi memposisikan secara tepat hala tuju Pengajian Islam di Malaysia dilakukan dengan menyasarkan sejumlah objektif, iaitu mengkaji perkembangan dan permasalahan Pengajian Islam di Malaysia yang mencorakkan hala tuju pengajian Islam masa kini; mengenal pasti senario Pengajian Islam Malaysia masa kini dari segi keupayaannya sebagai satu sistem pendidikan yang kompetitif; menganalisis kekuatan dan isu-isu yang perlu diberikan perhatian dalam Pengajian Islam di Malaysia dan mencadangkan falsafah, keberhasilan utama dan model Pengajian Islam sebagai asas kepada hala tuju Pengajian Islam di Malaysia.

Kajian ini dilaksanakan dengan mengumpul data melalui teknik soal selidik dan temu bual dan data-data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan SPSS (versi 16.0) bagi data-data kuantitatif. Manakala, data-data kualitatif dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan pendekatan analisis domain.

Dapatan kajian menunjukkan semua aspek yang dikaji adalah kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, kualiti pelajar dan graduan, prasarana, pengurusan dan pentadbiran, penyelidikan, kualiti pensyarah, perundingan dan khidmat masyarakat dan profesion pelajar, kesemuanya terdapat aspek-aspek yang telah sedia kuat dan perlu terus diperkuatkan dan terdapat juga aspek-aspek yang lemah dan perlu diberikan perhatian dan diperkukuhkan.

Berdasarkan dapatan tersebut satu cadangan penambahbaikan konkrit perlu dilaksanakan dan satu model Pengajian Islam di Malaysia diusulkan untuk diguna pakai bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang dihadapi oleh bidang ini.

# JAWATANKUASA INDUK

**PROFESOR ZAKARIA STAPA,** ***Pengerusi***

- Mantan Dekan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam, Malaysia.
- Ahli Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Islam (LEPAI), Malaysia.
- Ahli Panel Penilai Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Bidang Pengajian Islam.

**PROFESOR DR. IDRIS ZAKARIA**

- Timbalan Dekan (HEPA), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**PROFESOR DR. AHMAD HIDAYAT BUANG**

- Pengarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

**PROFESOR MADYA DR. HAZIZAN MD. NOON**

- Mantan Dekan, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

**PROFESOR DR. HAJI ABDUL SAMAT MUSA**

- Dekan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

**PROFESOR DATO' DR. MUHAMMAD MUDA**

- Mantan Dekan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia.

**DR. ADNAN MOHAMAD YUSOFF**

- Dekan, Fakulti Pengajian Qur'an dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

**DR. ROSNI SAMAH**

- Dekan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

**DR. ABDUL MANAM MOHAMED**

- Mantan Dekan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Darul Iman Malaysia.

**PROF MADYA DR. MUHAMAD RAHIMI OSMAN**

- Pengarah, Centre for Islamic Thought and Understanding, Universiti Teknologi MARA.

# URUS SETIA PELAKSANA

**Pengerusi**
PROFESOR DR. SITI RUGAYAH HJ. TIBEK

**Timbalan Pengerusi**
PROFESOR DR. JAWIAH HJ. DAKIR

**Setiausaha**
TUAN HAJI YAMIN SAMAR

**Penolong Setiausaha**
PUAN HASBI MAT HARUN

**Ahli Jawatankuasa**
PROF. MADYA DR. ZAINAB ISMAIL
PROF. MADYA DR. FARIZA MD SHAM
PROF. MADYA DR. AMIR HUSIN MD. NOR
PROF. MADYA DR. WAN KAMAL MUJANI
PROF. MADYA DR. JAFFARY AWANG
DR. INDRIATY ISMAIL

# PANEL PENASIHAT

**YB. DATUK DR. ABDULLAH MUHAMMAD ZAIN**
- Penasihat Agama Islam kepada YAB Perdana Menteri Malaysia

**YBHG. TAN SRI DATO' PADUKA DR. ABDUL HAMID OTHMAN**
- Mantan Penasihat Agama Islam kepada YAB Perdana Menteri Malaysia

**YBHG. TAN SRI DATO' DR. MOHD YUSOF NOOR**
- Pengerusi, Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Islam (LEPAI) Malaysia

**YBHG. TAN SRI PROFESOR DR. MOHD KAMAL HASAN**
- Mantan Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

**S. S. TAN SRI DATO' HAJI HARUSSANI ZAKARIA**
- Mufti Kerajaan Negeri Perak Darul Ridhwan

**YBHG. TAN SRI SHEIKH GHAZALI HJ. ABDUL RAHMAN**
- Penasihat Perundangan Syariah, Bahagian Syariah, Jabatan Peguam Negara

**YBHG. PROFESOR DATO' DR. ABDUL SHUKOR HAJI HUSIN**
- Mantan Naib Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia

**YBHG. PROFESOR DATO' DR. MAHMOOD ZUHDI ABDUL MAJID**
- Mantan Pengarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

**YBHG. PROFESOR DATO' DR. OSMAN BAKAR**
- Mantan Profesor International Institute of Islamic Thought and Civilization, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

**YBHG. PROFESOR DATO' DR. SIDEK BABA**
- Profesor Kulliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

**YBHG. PROFESOR DR. MUHAMMAD UTHMAN EL-MUHAMMADY**
- Fellow Amat Utama Akademik Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam

# PANEL PENYELIDIK

**Ketua Penyelidik**

PROFESOR ZAKARIA STAPA

**Ahli Penyelidik**

PROFESOR DR. SITI RUGAYAH HJ TIBEK
PROFESOR DR. JAWIAH HJ. DAKIR
PROFESOR MADYA DR. ZAINAB ISMAIL
PROFESOR MADYA DR. FARIZA MD SHAM
PROFESOR MADYA DR. AMIR HUSIN MOHD. NOR
PROFESOR MADYA DR. JAFFARY AWANG
PROFESOR MADYA DR. WAN KAMAL MUJANI
DR. INDRIATY ISMAIL

**Urus Setia**

TUAN HAJI YAMIN SAMAR
PUAN HASBI MAT HARUN

**Pembantu Penyelidik**

PUAN NOOR AIN HASSAN
ENCIK MOHD ELMI BAHARUDDIN
ENCIK DZIKRI MOHD NOOR

# BAB I

# Perkembangan Pengajian Islam di Malaysia

## 1.1 PENGENALAN

Umum mengetahui bahawa pendidikan Islam di Malaysia telah melalui tempoh masa yang panjang sejak kedatangan agama Islam ke rantau Melayu sehinggalah ke hari ini. Pendidikan Islam telah melalui pelbagai zaman dan mengalami pelbagai bentuk perkembangan yang melibatkan institusi-institusi pendidikan Islam.

## 1.2 BENTUK PENGAJIAN ISLAM DI MALAYSIA

Terdapat pelbagai bentuk pengajian Islam di Malaysia, namun dalam bahagian ini, perbahasan akan ditumpukan kepada beberapa jenis institusi sahaja seperti pondok, sekolah, Kolej Islam Malaya, kolej universiti dan universiti. Hal ini perlu dijelaskan memandangkan di sinilah lahirnya para pelajar yang akan menyambung pengajian mereka ke tempat yang lebih tinggi mahupun graduan yang akan memasuki alam pekerjaan. Di sini juga akan dapat dilihat latar belakang institusi tersebut, para tenaga akademik yang terlibat, kurikulum yang digunakan dan lain-lain aspek yang berkaitan.

### 1.2.1 Pondok

Di utara Semenanjung Malaysia, pondok mempunyai dua maksud. Pertama, pondok bererti rumah kecil yang bersifat sementara, kedua ia bererti sebuah institusi pembelajaran Islam yang berbentuk tradisional dan ortodoks. Di Malaysia dan selatan Thailand, pondok bererti institusi pendidikan agama Islam yang bersendirian dan berasrama. Di Jawa, pondok disebut Pesantren dan dalam bahasa Jawa, pondok bermakna Madrasah. Manakala di Aceh, Sumatera, pondok disebut Dayah. Hakikatnya, dapat dibuat rumusan bahawa pondok ialah rumah kecil yang dibina bertujuan untuk tempat tinggal yang berkait dengan pengajian agama Islam dan terletak berhampiran surau atau masjid.

Menurut Sejarah Melayu, dari abad ke-15 sehingga abad ke-17, orang Melayu terutamanya golongan istana telah mempelajari pendidikan agama Islam melalui guru-guru al-Quran yang terdapat di kampung atau melalui

mereka yang berketurunan Syaid. Kebanyakan mereka mengajar di surau ataupun di masjid. Pada masa yang sama, guru-guru itu menjadi imam kepada penduduk kampung tersebut. Antara yang diajarkan oleh mereka termasuklah membilang, menulis huruf-huruf al-Quran (tulisan Jawi), tajwid, perkara yang berkait dengan fardu Ain, Rukun Islam, dan Rukun Iman. Para pelajar pada ketika itu tidak dikenakan sebarang bayaran. Sumbangan daripada pelajar sekadar berbentuk khidmat dengan membantu guru membersihkan kawasan persekitaran tempat belajar, mengambil air, membantu kerja-kerja di sawah, mengambil kayu api dan sebagainya.

Pada abad ke-18, pelajaran agama Islam berkembang maju dengan berlakunya penghijrahan beberapa orang alim ulama dari Timur Tengah ke Tanah Melayu. Antaranya adalah Syarif Muhammad yang berasal dari Baghdad yang kemudiannya bermastautin di Terengganu dan keturunan beliau yang bergelar Tok Pulau Manis kemudiannya telah menjadi seorang ulama yang masyhur. Tok Pulau Manis pernah belajar di Aceh dan di Mekah. Seterusnya beliau telah mengasaskan sekolah agama di Pulau Manis, Kuala Terengganu. Apabila berlakunya kekacauan di antara orang Islam dengan kerajaan Siam di Patani, lebih ramai lagi alim ulama yang berhijrah ke Kelantan dan Terengganu. Antaranya termasuklah Syeikh Daud bin Abdullah yang bermastautin di Pulau Duyung, Kuala Terengganu dan Syeikh Abdul Kadir yang kemudiannya mengajar di Bukit Bayas dan di Kuala Terengganu. Terdapat juga guru-guru agama daripada keturunan al-Idrus yang telah berhijrah ke Terengganu. Dengan adanya tokoh-tokoh agama yang disanjung oleh masyarakat tempatan, maka pendidikan agama Islam telah tersebar dengan lebih meluas terutamanya di negeri-negeri Melayu di sebelah utara.

Bagi anak-anak Melayu yang bercita-cita tinggi, berkemampuan dan ingin melanjutkan pelajaran, mereka terpaksa menyambung persekolahan di sekolah Inggeris yang terdapat di bandar. Jika nasib mereka lebih bertuah lagi, mereka akan berpeluang untuk memasuki Kolej Melayu di Kuala Kangsar. Kolej ini berasaskan *'English Grammar School'* dan telah didirikan pada tahun 1905. Walau bagaimanapun, kolej ini hanya dikhaskan untuk anak-anak daripada golongan Diraja dan bangsawan sahaja. Sekolah lain yang menampung pendidikan anak-anak Melayu dan yang telah memainkan peranan penting dalam menghasilkan pemuda-pemuda Melayu yang memiliki pandangan hidup yang tersendiri adalah sekolah-sekolah arab dan agama.

Penghujung abad ke-19, terutamanya selepas Perang Dunia Kedua, sekolah-sekolah pondok atau sekolah Arab dan sekolah agama telah muncul di merata tempat di seluruh Semenanjung terutamanya di Kelantan, Kedah, Perak dan Pulau Pinang. Dengan berilhamkan ajaran-ajaran reformis dari Asia Barat seperti Muhammad Abduh, sekolah agama (madrasah) telah menjadi satu alternatif yang sesuai untuk mendapatkan pendidikan bagi masyarakat ketika itu. Alternatif ini membekalkan kekuatan, bimbingan dan semangat kepada

muridnya untuk menghadapi segala cabaran dan dugaan akibat proses sekularisasi yang dianjurkan oleh institusi Barat. Taraf pendidikan di sesetengah madrasah ini mempunyai mutu yang tinggi. Kebanyakan antara lepasan madrasah umpamanya dari Madrasah al-Masyhur, Pulau Pinang, Madrasah Muhammadiah di Kota Bharu dan Maahad al-Ihya' al-Sharif Gunung Semanggol, dapat melanjutkan pelajaran mereka ke Asia Barat, terutamanya di Masjid al-Haram, Mekah dan Universiti al-Azhar, Mesir.

Penghijrahan tokoh-tokoh agama dari Patani dan Timur Tengah pada ketika itu telah memberi manfaat yang besar kepada masyarakat Melayu Islam ketika itu. Banyak buku bahasa Arab yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi, terutamanya pada sekitar abad ke-19. Adalah dipercayai bahawa orang yang paling awal menyampaikan pendidikan Islam di Kelantan ialah Syeikh Haji Abdul Halim. Beliau mengajar anak-anak para pembesar dan juga orang kebanyakan, malah kehadiran beliau kemudiannya menyebabkan negeri Kelantan terkenal sebagai pusat perkembangan pengajian agama Islam.

Sistem pendidikan pondok dapat dikatakan sebagai lebih kemas daripada sistem pendidikan agama di rumah-rumah atau di surau-surau. Negeri Kelantan, Kedah dan Terengganu merupakan tiga buah negeri yang banyak mendirikan sekolah-sekolah pondok. Di Kelantan pula, sekolah pondok mula diperkenalkan pada awal abad ke-19. Dalam pada itu, telah dipastikan bahawa pada tahun 1970-an, sudah ada sekurang-kurangnya lapan buah sekolah pondok di negeri Kedah.

Sistem pendidikan pondok lazimnya bermula apabila datangnya tuan guru atau alim ulama dari luar untuk mengajar ilmu agama kepada orang kampung terutamanya kepada masyarakat petani yang tinggal di kawasan penanaman padi. Kebanyakan guru pondok mempunyai pengaruh yang kuat dalam sesebuah kawasan dan mereka memberi khidmat secara sukarela. Dengan pertolongan orang kampung, rumah untuk tuan guru dan pondok untuk murid-murid didirikan dalam satu kawasan yang berdekatan. Tempat ataupun tanah untuk mendirikan pondok biasanya kepunyaan tuan guru atau diwakafkan oleh orang-orang yang ingin mewakafkan tanah mereka.

Sukatan pelajaran yang khusus juga tidak disusun. Antara mata pelajaran yang disampaikan adalah Tauhid, Tafsir, Fikah, Hadis, Nahu, Saraf, Tasawuf dan doa-doa yang ada hubungan dengan kehidupan seharian dan amalan hidup bermasyarakat. Di sekolah pondok tulisan Jawi dan bahasa Arab diajarkan. Bahasa pengantar utamanya adalah bahasa Melayu kerana pada masa itu banyak kitab dalam bahasa Arab telah diterjemahkan ke bahasa Melayu. Jangka masa pembelajarannya tidak terhad, adakalanya sehingga sepuluh tahun.

Awang Had Salleh (1977) berpendapat bahawa terdapat dua jenis cara pengajaran di pondok. Pertama, pengajaran secara tetap untuk murid-murid sepenuh masa dan kedua, pengajaran pada hujung minggu untuk orang dewasa. Tujuan umum pelajaran pondok ialah untuk melahirkan pelajar yang tahu

tentang hukum-hakam agama, berakhlak tinggi dan dapat beribadat dengan betul.

Pada awal abad ke-20, lahir pula institusi yang lebih kemas dan tersusun yang mencakupi ilmu keduniaan dan ilmu akhirat yang dipelopori oleh golongan muda. Institusi yang dimaksudkan adalah madrasah atau lebih dikenali sebagai sekolah agama moden. Dengan lahirnya pengajian berbentuk madrasah, terutamanya di Kedah, Kelantan dan Terengganu, maka sekolah-sekolah Melayu yang didirikan oleh pihak British pada akhir abad ke-19 telah dapat disaingi (Harun & Sabri 1980: 16-27; Rosnani, 2004: 1-271; Abdullah, 1995; Abdul Halim, 1995).

### 1.2.2 Sekolah

Menurut Mohd. Hanif (2003:14-17), terdapat beberapa kategori sekolah agama di Malaysia berdasarkan pentadbirannya, antaranya adalah seperti yang berikut:

1. Sekolah agama di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan di peringkat menengah seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP), Kolej Islam Sultan Alam Syah (KISAS) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang menawarkan kelas aliran agama (KAA).
2. Sekolah agama di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri di peringkat menengah seperti Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN).
3. Sekolah agama di bawah kelolaan Majlis-majlis Agama dan Zakat di peringkat rendah dan menengah.
4. Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang dibangunkan oleh masyarakat setempat dan dikendalikan oleh Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS) di peringkat rendah dan menengah.
5. Sekolah Agama (SA) yang dikendalikan oleh pihak swasta di peringkat rendah dan menengah.
6. Maahad Tahfiz sama ada milik persendirian, kerajaan negeri mahupun kerajaan pusat.

Majoriti sekolah agama rakyat mempunyai kurikulum yang berbeza antara satu sama lain. Kerencaman kurikulum ini disebabkan jenis peperiksaan yang diambil oleh para pelajar di setiap sekolah tersebut tidak sama. Ini sudah tentu menyebabkan wujud sijil kelulusan yang juga tidak seragam, malah sesetengahnya tidak diiktiraf oleh pihak tertentu. Lembaga Penasihat Penyelarasan dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) telah mengumumkan bahawa kurikulum sekolah agama kerajaan, negeri dan agama rakyat akan diseragamkan bermula dari tahun 1992.

### 1.2.3 Kolej Islam Malaya

Kolej Islam Malaya dirasmikan penubuhannya pada 8 April 1955 oleh Sultan Hishamudin Alam Shah Al-haj, Sultan Selangor VI. Kolej Islam Malaya ditubuhkan hasil usaha dan permuafakatan semua lapisan masyarakat. Kesediaan Raja-raja Melayu menghulurkan bantuan dan memberi sokongan padu terhadap penubuhan Kolej Islam, khususnya Almarhum Sultan Hishamudin Alam Shah yang sanggup mewakafkan Istana Jemaah sebagai tapak untuk melahirkan golongan ulama pewaris Nabi yang mencerminkan betapa murni dan tingginya harapan kerabat Diraja Selangor untuk melihat kecemerlangan dan kegemilangan agama Islam.

Pada 24 Februari 1955, seramai 43 pelajar yang datang dari pelosok Tanah Melayu, Singapura dan Brunei memulakan sesi pengajian pertama Kolej Islam Malaya terletak di bangunan Istana Jemaah dan mereka dididik oleh pensyarah-pensyarah tempatan dan para pensyarah dari Universiti al-Azhar, Mesir. Sepanjang sejarah, Kolej Islam didatangi kelompok terbaik daripada lepasan sekolah agama dan melahirkan pula tokoh-tokoh nasional dalam pelbagai bidang keahlian dan kerjaya.

Pada tahun 1966, Kolej Islam Malaya telah dipindahkan ke bangunan yang baru di Petaling Jaya. Walau bagaimanapun, pada 18 Mei 1970, Kolej tersebut telah dinaik taraf menjadi Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada tahun 1967, Kolej ini diambil alih pentadbirannya oleh Kementerian Pelajaran dan dijadikan sebuah sekolah bantuan penuh kerajaan yang bernama Kolej Islam Kelang. Akhirnya pada tahun 1972, Kolej Islam tersebut telah diangkat menjadi Sekolah Berasrama Penuh lengkap dengan pelbagai kemudahan sehingga ke hari ini. Kemudian pada 1989, Kolej Islam Kelang telah ditukar nama kepada Kolej Islam Sultan Alam Shah oleh Sultan Salahuddin ibni Almarhum Sultan Abdul Aziz Shah, Sultan Selangor Darul Ehsan (Abdullah et al., 2005: 1-174; Hasan 1963: 8-11).

### 1.2.4 Kolej dan Kolej Universiti

Sehingga kini terdapat pelbagai Kolej dan Kolej Universiti di Malaysia yang menawarkan Pengajian Islam secara khusus ataupun tidak dalam pelbagai bidang keilmuan Islam. Perkembangan ini menyemarakkan lagi perkembangan pengajian Islam di negara ini. Secara umumnya, semua Kolej dan Kolej Universiti ini diletakkan di bawah pengawasan Kementerian Pengajian Tinggi, antaranya (http://www.mohe.gov.my):

1. Kolej Islam Antarabangsa
   No 1 Jalan 31/10A, Taman Batu Muda
   Mukim Batu,
   68100, Kuala Lumpur.

2. Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)
   Peti 68, Nilam Puri, KM 12 Jalan Kuala Krai,
   Kuala Krai,
   15730, Kelantan.

3. Kolej Islam Darul Ridzuan
   Kg. Bukit Chandan,
   Kuala Kangsar,
   33000, Perak.

4. Kolej Islam Johor
   Jalan Ahad Kampung Ungku Mohsin,
   Johor Bahru,
   80350, Johor.

5. Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
   KM 8, Jalan Gambang,
   Kuantan,
   25150, Pahang.

6. Kolej Islam Sains dan Teknologi
   Kampus Utama, Lot 1798-1800, Mukim Telong,
   Kandis, Bachok,
   16300, Kelantan.

7. Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB)
   Bangunan Tahfiz Kompleks Masjid Negeri Pulau Pinang,
   Jalan Air Hitam, Georgetown,
   11400, Pulau Pinang.

8. Kolej Teknologi Islam Antarabangsa Melaka
   Kampus Utama, Batu 28,
   Kuala Sungai Baru,
   78200, Melaka.

9. Kolej JAIPUTRA (Kolej Jamiah Islamiah Putra)
   Lot 1911, Kampus Kijang, Jalan PCB,
   Kota Bharu,
   15350, Kelantan.

10. Kolej Pengajian Tinggi Islam Johor (MARSAH)
    Jalan Gertak Merah,

Johor Bahru,
80000, Johor.

11. Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis
Guar Jentik,
Beseri,
24000, Perlis.

12. Institut Kemajuan Ikhtisas Pahang (IKIP)
Jalan Dato' Bahaman,
Alor Akar, Kuantan,
25250, Pahang.

13. Institut Antarabangsa IQRA
No.29 A, Jalan PJS 10/24, Bandar Sri Subang,
Petaling Jaya,
46000, Selangor.

14. Kolej Universiti INSANIAH (KUIN)
Lebuhraya Sultanah Bahiyah,
Alor Setar,
05350, Kedah.

15. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Persiaran Seri Putra 1,
Bandar Sri Putra, Bangi,
43000, Selangor.

16. International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
Tingkat 2, Annexe Block, Menara Tun Razak,
Jalan Raja Laut,
Kuala Lumpur.

Dari sudut kurikulum yang digunakan, semua pusat pengajian yang disenaraikan mempunyai kurikulum tersendiri yang dikawal oleh Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM).

### 1.2.5 Universiti

Sehingga kini terdapat 20 buah universiti awam di Malaysia yang diletakkan di bawah pengelolaan Kementerian Pengajian Tinggi. Namun, tidak semua universiti tersebut menawarkan program Pengajian Islam. Universiti yang dikenal pasti menawarkan program dan ijazah Pengajian Islam antaranya

adalah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) (http://www.mohe. gov.my).

## 1.3 KESIMPULAN

Institusi pondok, sekolah, Kolej Islam Malaya, Kolej dan Kolej Universiti dan universiti telah memainkan peranan penting dalam perkembangan Pengajian Islam di Malaysia. Institusi tersebut telah melahirkan ramai pelajar dan graduan dalam bidang Pengajian Islam. Kepentingan Pengajian Islam dalam konteks pembangunan masyarakat dan negara pada masa kini, memerlukan kajian mengenai hala tuju Pengajian Islam di Malaysia. Kepelbagaian dan kerencaman institusi-institusi ini dalam operasi serta pendekatan pelaksanaannya tidak harus dijadikan alasan mengapa hala tujunya tidak boleh disatukan dan kenapa arahnya tidak boleh disasarkan kepada matlamat yang lebih dinamik dan berdaya saing. Pada abad ke-21 yang dipenuhi dengan cabaran globlisasi ini seharusnya dijadikan titik-tolak untuk melihat sejauh mana Pengajian Islam yang lepas telah berjaya menangani cabaran semasa dan memenuhi hasrat serta aspirasi negara. Kini, tibalah masanya untuk mengetengahkan hala tuju Pengajian Islam, khususnya di peringkat universiti yang lebih selari dengan kehendak dan tuntutan semasa yang lebih mencabar dan sesuai dengan kehendak negara.

# BAB II

# Sistem Pengajian Islam di Malaysia Masa Kini

## 2.1 PENGENALAN

Senario terkini Pengajian Islam di Malaysia memperlihatkan perkembangan yang drastik dan positif. Perkembangan yang drastik dapat dilihat daripada pertambahan beberapa buah institusi Pengajian Islam dalam sektor swasta dan Kementerian Pengajian Tinggi sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Dari segi positifnya pula, ia memberi ruang kepada mereka yang berkelayakan untuk menyambung pengajian dan mendalami keilmuan Islam serta mampu melahirkan graduan yang dapat memenuhi permintaan masyarakat dan negara. Perkembangan Pengajian Islam di Malaysia mempunyai hubungan dengan penggubalan misi dan visi bagi setiap institusi Pengajian Islam yang umumnya mempunyai matlamat yang satu, iaitu ke arah melahirkan insan yang berilmu, bertakwa dan beramal. Hasilnya, Pengajian Islam berjaya melahirkan graduan yang mampu menyumbang tenaga dan ilmu pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dalam konteks pembangunan masyarakat dan negara masa kini dan cabaran globalisasi, matlamat Pengajian Islam perlu diperluaskan untuk membangun insan yang mampu berinteraksi, berpartisipasi dalam komuniti dan berupaya menjadi penyelesai masalah sama ada pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Terdapat beberapa situasi semasa yang menjadi isu nasional yang memerlukan kepada penyemakan dan penilaian semula struktur dan fungsi Pengajian Islam dari segi pelaksanaan serta hala tujunya. Fenomena dan situasi yang dimaksudkan tersebut adalah perkembangan arus globalisasi, perkembangan semasa berkaitan Islam di Malaysia, pertumbuhan institusi Pengajian Islam dan kualiti graduan Pengajian Islam serta keperluan pasaran yang berubah.

Umumnya, terdapat lima buah universiti awam di Malaysia yang menawarkan bidang Pengajian Islam, iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Darul Iman Malaysia (UDM). Universiti-universiti tersebut menawarkan bentuk program yang berbeza antara satu sama lain.

## 2.2 BENTUK/ STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN ISLAM SEDIA ADA

Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia menawarkan program Pengajian Islam pada peringkat prauniversiti, prasiswazah dan pascasiswazah. Dalam bahagian ini membincangkan program prauniversiti dan prasiswazah.

### 2.2.1 Prauniversiti

Program prauniversiti hanya ditawarkan di Universiti Malaya (Asasi Pengajian Islam), Universiti Sains Islam Malaysia (Tamhidi) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Matrikulasi). Butiran struktur/komponen program tersebut adalah seperti dalam Jadual 2.1 dan Jadual 2.2.

Jadual 2.1 menunjukkan bahawa pada peringkat ini Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris ditawarkan antara 20 – 30 jam kredit (UM dan USIM) dan 94 jam pertemuan (UIAM). Manakala, ilmu asas Islam dan ilmu-ilmu lain antara 27 – 32 jam kredit (UM dan USIM) dan 38 jam pertemuan (UIAM).

Jadual 2.2 menunjukkan taburan ilmu-ilmu asas dan komponen ilmu lain yang ditawarkan oleh program berkenaan. Berdasarkan kedua-dua jadual dapat disimpulkan bahawa program prauniversiti menawarkan komponen ilmu asas dan ilmu-ilmu lain **melebihi 50% berbanding komponen bahasa**. Perkara ini tidak dapat mengatasi kelemahan bahasa yang ditemui dalam penyelidikan Hala Tuju Pengajian Islam.

Jadual 2.1 Jam kredit/Jam pertemuan kursus Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris program Matrikulasi/*Tamhidi*/Asasi

| **KURSUS YANG DITAWARKAN** | **UM** | **UKM** | **USIM** | **UDM** | **UIAM** |
|---|---|---|---|---|---|
| BAHASA ARAB | 24 Jam Kredit | Tiada | 10 Jam Kredit | Tiada | 53 Jam Pertemuan |
| BAHASA INGGERIS | 6 Jam Kredit | Tiada | 10 Jam Kredit | Tiada | 41 Jam Pertemuan |
| LAIN-LAIN: | | | | | |
| • Ilmu Asas Islam | 20 Jam Kredit | Tiada | 17 Jam Kredit | Tiada | 24 Jam Pertemuan |
| • Ilmu-ilmu Lain | 12 Jam Kredit | | 10 Jam Kredit | | 14 Jam Pertemuan |

*Sumber*: Panduan Matrikulasi UM, UIAM, USIM Sesi 2009/2010

Jadual 2.2 Komponen kursus ilmu asas Islam dan ilmu lain Program Matrikulasi/*Tamhidi*/Asasi

| | UM | USIM | UIAM |
|---|---|---|---|
| ILMU ASAS ISLAM | • Kemahiran Quran I<br>• Kemahiran Quran II<br>• Praktikal Ibadat I<br>• Praktikal Ibadat II<br>• Kemahiran Hadith I<br>• Kemahiran Hadith II<br>• Al-Tasawwur al-Islami<br>• Al-Sirah al-Nabawiyyah<br>• Ulum al-Quran<br>• Ulum al-Hadith<br>• Usus al-Aqidah<br>• Usul al-Tasyri’ | • Al-Fiqh Wa Al-Mujtama’<br>• Al-Mabadi Al-Fiqhiyyah<br>• Quranic and Hadith Studies for Social Science<br>• Al-Madkhal ila Al-Syariah | • Madkhal ila al-$^{c}$Aqidah al-Islamiyyah<br>• Dirasah Ayat Mukhtarah min al-Qur’an al-Karim<br>• Mukhtarat min al-Ahadath al-Nabawiyyah wa Sharhuha<br>• Madkhal ila al-Fiqh wa Usul al-Fiqh<br>• Al-×aÌarah al-Islamiyyah<br>• Basic Themes of Al-Qur’an<br>• Understanding Islām or Religions in Malaysia |
| ILMU-ILMU LAIN | **Asasi Syariah, Usuluddin dan Pendidikan Islam**<br>• Pendidikan Kewarganegaraan<br>• Asas Komputer<br>• Ko-Kurikulum (Pembinaan Sahsiah)<br><br>**Asasi Pengajian Islam dengan Sains**<br>• Pendidikan Kewargenaraan dan Pembinaan Sahsiah<br><br>• Asas Komputer & Multimedia<br>• Kimia Asas 1 | ***Tamhidi* Syariah dan Undang-undang**<br>• Introduction to Law<br>• ICT Skill<br>• General Principles of Malaysian Law<br>• Law and Society<br><br>***Tamhidi* Perakaunan dan Muamalat**<br>• Principle S of Accounting 1<br>• Micro Economics<br>• Business Mathematics<br>• ICT Skill | • Basic Research Methods and Report Writing<br>• Introduction to Human Sciences<br>• Computer I<br>• Basic Themes of Al-Qur’an<br>• College Mathematics<br>• Introduction to Critical and Creative Thinking Skills<br>• Understanding Islam<br>• Religions in Malaysia |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | • Kimia Asas 2<br>• Kimia Asas 3<br>• Kimia Asas 4<br>• Fizik Asas 1<br>• Fizik Asas 2<br>• Fizik Asas 3<br>• Fizik Asas 4<br>• Algebra & Geometri<br>• Kalkulus<br>• Algebra & Kalkulus<br>• Statistik & Kebarangkalian<br>• Biologi Sel<br>• Pembiakan, Ekologi dan Perkembangan Organisma<br>• Fisiologi Organisma<br>• Genetik & Teknologi DNA<br>• Vektor<br>• Sains Komputer 1<br>• Sains Komputer 2<br>• Matematik Kejuruteraan | • Principles of Accounting Ii<br>• Introduction to Business<br>• Macro Economics<br>• Business Statistics | |

*Sumber*: Panduan Matrikulasi UM, UIAM, USIM Sesi 2009/2010

### 2.2.2 Ijazah Sarjana Muda

Program Ijazah Sarjana Muda yang dirujuk adalah program yang ditawarkan di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Islamic Revealed Knowledge and Heritage Division, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Darul Iman Malaysia (UDM), Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan butiran struktur/komponen program tersebut adalah seperti dalam Jadual 2.3.

Jadual 2.3 menjelaskan bahawa setiap universiti mempunyai struktur program yang tersendiri berdasarkan keperluan dan kehendak universiti masing-masing. Secara umumnya, terdapat tiga struktur program, iaitu dalam bentuk modul, major, major-major, major-minor dan *double degree*, sebagaimana berikut:

1. UKM menawarkan program dalam bentuk modul (pengkhususan) dan major – minor.
2. UIAM menawarkan program dalam bentuk major - minor dan *double degree*.
3. UM menawarkan program dalam bentuk major dan major – minor.
4. UDIM menawarkan program dalam bentuk major dan major – minor.
5. USIM menawarkan kesemua program dalam bentuk major-major dan major - minor.

Jadual 2.3 Perbandingan struktur program Pengajian Islam di universiti-universiti di Malaysia

| Universiti | Fakulti | Jabatan/ Program | Bentuk Program | Ijazah |
|---|---|---|---|---|
| **UKM** | **Fakulti Pengajian Islam** | • Jabatan Syariah | a. Modul Perundangan Islam<br>b. Modul Muamalat dan Kewangan Islam<br>c. Modul Undang-undang Perbandingan | • Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dengan Kepujian (Syariah) |
| | | • Jabatan Usuluddin & Falsafah | a. Modul Pengajian Akidah dan Kerohanian<br>b. Modul Pengajian Agama dan Falsafah<br>c. Minor Teknologi Maklumat | • Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dengan Kepujian (Usuluddin & Falsafah) |
| | | • Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam | a. Modul Pengajian Bahasa dan Kesusasteraan Arab<br>b. Modul Pengajian Sejarah dan Tamadun Islam | • Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dengan Kepujian (Pengajian Arab & Tamadun Islam) |
| | | • Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan | a. Modul Pengurusan Islam<br>b. Modul Kaunseling Islam<br>c. Modul Komunikasi Islam | • Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dengan Kepujian (Pengajian Dakwah & Kepimpinan) |
| | | • Jabatan Pengajian al-Quran & al-Sunnah | a. Modul Tafsir<br>b. Modul Hadith | • Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dengan Kepujian (Pengajian al-Quran & al-Sunnah) |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **UIAM** | **Kuliyyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences** | • Department of Qur'an and Sunnah Studies | Major – Minor | • Bachelor of Islamic Revealed Knowledge and Heritage (Qur'an and Sunnah Studies) with Honours |
| | | • Department of Arabic Language, Literature and Qur'an and Linguistics | | • Bachelor of Islamic Revealed Knowledge and Heritage (Arabic Language, Literature and Qur'an and Linguistics) with Honours |
| | | • Department of Fiqh and Usul al-Fiqh | | • Bachelor of Islamic Revealed Knowledge and Heritage (Fiqh and Usul al-Fiqh) with Honours |
| | | • Department of Usul al-Din and Comparative Religion | | • Bachelor of Islamic Revealed Knowledge and Heritage (Usul al-Din and Comparative Religion) with Honours |
| | **Ahmad Ibrahim Kuliyyah of Laws** | • Department of Islamic Law | Double Degrees | • Bachelor of Law(Shariah) (Hons.) - LL.B_S |
| **UM** | **Akademi Pengajian Islam** | • Jabatan Fiqh dan Usul/Falak<br>• Jabatan Syariah dan Ekonomi<br>• Jabatan Siasah Syar'iyyah | Major | • Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Kepujian |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | • Jabatan Syariah dan Pengurusan Muamalat | Major | • Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Muamalat dengan Kepujian |
| | | • Jabatan Syariah dan Undang-undang | Major | • Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang dengan Kepujian |
| | | • Jabatan al-Quran dan al-Hadith<br>• Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam<br>• Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam<br>• Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan | Major | • Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian |
| | | • Program Pendidikan Islam | Major | • Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam |
| | | • Program Sains Gunaan dengan Pengajian Islam | Major-Minor | • Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan dengan Pengajian Islam |
| **UDM** | **Fakulti Pengajian Kontemporari Islam** | • Jabatan Syariah | Major | • Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) dengan Kepujian |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | • Jabatan Dakwah | Major | • Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Dakwah) dengan Kepujian |
| | | • Jabatan Usuluddin | Major | • Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin) dengan Kepujian |
| | | | Major - Minor | • Ijazah Sarjana Muda (Usuluddin dengan Kaunseling) dengan Kepujian |
| | | • Jabatan Pendidikan & Tamadun Islam | Major | • Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian |
| **USIM** | **Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan** | • Program Komunikasi<br>• Program Dakwah dan Pengurusan Islam<br>• Program Kaunseling<br>• Program Pengajian Akidah dan Agama | Major | • Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian<br>• Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian<br>• Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian<br>• Ijazah Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama dengan Kepujian |
| | **Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah** | • Program Quran dan Sunnah | Major | • Ijazah Sarjana Muda Quran dan Sunnah dengan Kepujian |
| | | • Program Quran dengan Multimedia | Major - Minor | • Ijazah Sarjana Muda Quran dengan Multimedia dengan Kepujian |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | • Program Sunnah dengan Pengurusan Maklumat | Major - Minor | • Ijazah Sarjana Muda Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian |
| | **Fakulti Syariah dan Undang-undang** | • Program Syariah dan Undang-undang<br>• Program Fiqh dan Fatwa | Major<br>Major | • Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dengan Kepujian<br>• Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian |

## 2.3 SYARAT KEMASUKAN KE PROGRAM PRAUNIVERSITI DAN IJAZAH SARJANA MUDA

Bidang Pengajian Islam di beberapa universiti menawarkan program peringkat prauniversiti dengan pelbagai nama program, iaitu Asasi/Matrikulasi/*Tamhidi* dan ada juga yang terus menawarkan Ijazah Sarjana Muda. Syarat-syarat kemasukan ke program-program prauniversiti dan Ijazah Sarjana Muda tersebut adalah seperti dalam Jadual 2.4:

## 2.3.1 SYARAT KEMASUKAN KE PROGRAM PRAUNIVERSITI

Jadual 2.4 Syarat kemasukan ke Prauniversiti/Matrikulasi/*Tamhidi*

| **MATRIKULASI, UIAM** | | **ASASI AKADEMI ISLAM, UM** | | **TAMHIDI, USIM** | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Program** | **Syarat** | **Program** | **Syarat** | **Program** | **Syarat** |
| **GENERAL REQUIREMENT (FOR ALL PROGRAMMES)** | Passed SPM<br>Credit (**C** grade) in Bahasa Malaysia<br>Credit (**C** grade) in Pendidikan Islam / Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah | Asasi Pengajian Islam | **SYARAT AM UNIVERSITI**<br>1. Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf dengannya dengan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Arab Tinggi (Lulus Sijil *Thanawi* boleh diterima sebagai ganti kepujian Bahasa Arab Tinggi).<br>2. Lulus Bahasa Inggeris. | **SYARAT AM** | 1. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / setaraf dengannya.<br>2. Kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia.<br>3. Kepujian dalam mata pelajaran kombinasi berikut:<br>• Bahasa Arab Tinggi / Bahasa Arab Komunikasi;<br>• Pendidikan Islam / Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah;<br>• Pendidikan Syariah Islamiyyah / Tasawwur Islam |
| Islamic Revealed Knowledge and Heritage<br>(Open to Art stream applicants)<br>Y0707 | Fulfill General Requirements<br>**AND**<br>Obtained **B+** in Bahasa Arab Tinggi **or** A- in Bahasa Arab Komunikasi | Asasi Pendidikan Islam<br>Asasi Syariah<br>Asasi Usuluddin | **SYARAT KHAS PROGRAM**<br>1. Memenuhi SYARAT AM UNIVERSITI dengan mendapat Kepujian dalam SATU daripada mata | **SYARAT AM DAN SYARAT KHAS**<br>Tamhidi Syariah dan Undang-undang (2 semester) | 1. Sekurang-kurangnya **4B** dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.<br>2. Sekurang-kurangnya **4B** dalam mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab Komunikasi. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Obtained **B** in Pendidikan Islam or Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah<br><br>Obtained **C** in Matematik<br><br>Obtained TWO (2) **C** grade from any of the following subjects: Tasawwur Islam, Pendidikan Al-Quran & As-Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah, Kesusasteraan Melayu, Sejarah, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia, Biologi, Sains Pertanian, Geografi, Sains, Perdagangan, Prinsip Akaun, Ekonomi Asas, Ekonomi Rumah Tangga, Teknologi | | pelajaran berikut:<br>• Tasawwur Islam<br>• Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah<br>• Pendidikan Syariah Islamiah<br><br>2. Mendapat TIGA kepujian dalam mata pelajaran berikut:<br>• Sejarah<br>• Sains<br>• Kesusasteraan Melayu<br>• Geografi<br>• Matematik<br>• Sains pertanian<br>• Perdagangan<br>• Ekonomi asas<br>• Prinsip Akaun<br>• Bahasa Arab Komunikasi<br>• Teknologi Maklumat | (Terbuka kepada para pelajar aliran Sastera dan Sains) | 3. Sekurang-kurangnya **6C** dalam salah satu daripada mata pelajaran berikut:<br>• Pendidikan Islam<br>• Pendidikan Syariah Islamiyyah<br>• Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah<br>• Tasawwur Islam.<br><br>4. Sekurang-kurangnya **6C** dalam salah satu daripada mata pelajaran berikut:<br>• Sains<br>• Sains Pertanian<br>• Perdagangan<br>• Ekonomi Asas<br>• Prinsip Akaun<br>• Fizik<br>• Kimia<br>• Biologi<br>• Sejarah<br>• Literature in English<br>• Kesusasteraan Melayu |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Maklumat, Pengajian Keusahawanan, and English for Science and Technology.<br>Obtained **D** in Bahasa Inggeris | | | | |
| Arabic<br>(Open to Art stream applicants)<br>Y0151 | Fulfill General Requirements<br>**AND**<br><br>Obtained **A-** in Bahasa Arab Tinggi<br>Obtained **C** in Matematik<br><br>Obtained **TWO (2) C** grade from any of the following subjects :<br>Bahasa Arab Komunikasi, Pendidikan Al-Quran & As-Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah, Tasawwur Islam, Sejarah, Sains, Fizik, Kimia, biologi, Matematik | Asasi Pengajian Islam dan Sains | **SYARAT KHAS PROGRAM**<br><br>1. Memenuhi SYARAT AM UNIVERSITI dengan mendapat Kepujian dalam SATU daripada mata pelajaran berikut:<br>• Pendidikan Islam<br>• Pendidikan al-Quran dan as- Sunnah<br>• Pendidikan Syariah Islamiah<br><br>2. Kepujian dalam mata pelajaran Matematik (Kepujian dalam mata pelajaran Matematik Tambahan boleh diterima sebagai ganti kepujian Matematik)<br><br>3. Lulus dengan kepujian dalam DUA daripada | *Tamhidi* Perakaunan dan Muamalat (2 semester)<br>(Terbuka kepada pelajar aliran Sains / Teknikal dan Sastera) | **Memenuhi Syarat Am dan Syarat Khas Program**<br><br>Memperoleh Kepujian dalam mata pelajaran berikut:<br>• Prinsip Akaun/Ekonomi Asas / Perdagangan<br>• Matematik / Matematik Tambahan<br>• Bahasa Inggeris<br>• Dua (2) mata pelajaran yang lain. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Tambahan, Kesusasteraan Melayu, Perdagangan, Prinsip Akaun, Ekonomi Asas, Sains Pertanian, Teknologi Maklumat, Pengajian Keusahawanan, English for Science and Technology<br><br>Obtained **D** in Bahasa Inggeris | | mata pelajaran berikut:<br>• Matematik Tambahan<br>• Fizik<br>• Kimia<br>• Biologi<br>• Teknologi Maklumat<br>• Sains Pertanian<br>• Geografi | | |
| Language Requirements | English is the medium of instruction for all Centres for Foundation Studies Programmes except Islamic Revealed Knowledge and Arabic Programmes (the medium of instruction for core courses of these programmes is Arabic Language). After admission to | | | | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Centre for Foundation Studies, students are required to sit for the English and Arabic Placement Tests to ascertain their level of proficiency. They are required to enroll for the level of language classes as determined by the Placement Tests. If not exempted all students are required to study Arabic Language | | | | |
| Other Requirements | Good Health<br>Satisfactory performance in an interview and a test conducted by the Admission Board. | | | | |

Jadual 2.4 menunjukkan program prauniversiti ditawarkan kepada para pelajar lulusan SPM dan **tidak** ditawarkan kepada para pelajar lepasan STPM/ STAM/Diploma yang menghadapi kelemahan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

Jadual 2.5 menunjukkan syarat kemasukan ke program prasiswazah **tidak** menekankan kualiti pelajar dari aspek kemampuan bahasa. Ini menjadikan pelajar yang diterima masuk pada peringkat prasiswazah menghadapi masalah bahasa yang mengakibatkan ketidakmampuan untuk merujuk kitab-kitab *Turath* dan berkomunikasi dalam kedua-dua bahasa secara berkesan. Sewajarnya penapisan terima masuk pelajar harus diperketatkan dengan melalui Ujian Kelayakan bagi lepasan SPM dan STPM/STAM/Diploma sekiranya mereka gagal dalam Ujian Kelayakan tersebut mereka diwajibkan menduduki program *Tamhidi.*

### 2.3.2 Syarat Kemasukan Ijazah Sarjana Muda

Jadual 2.5 Syarat kemasukan ke universiti Pengajian Islam di Malaysia Peringkat Ijazah Sarjana Muda

| USIM | UIAM | UM | UDM | UKM |
|---|---|---|---|---|
| **FAKUITI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN**<br><br>1. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia(SPM) / Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia Kertas Julai dan<br><br>2. Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan | **SYARAT AM UNIVERSITI**<br><br>Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia Kertas Julai<br>dan<br>Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00** dan mendapat sekurang-kurangnya:<br>• **Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am;**<br>**dan** | **SYARAT AM UNIVERSITI**<br><br>Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia Kertas Julai<br>dan<br><br>Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00** dan mendapat sekurang-kurangnya:<br>• **Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran** | **SYARAT AM UNIVERSITI**<br><br>Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai<br>dan<br><br>Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00** dan mendapat sekurang-kurangnya:<br>• **Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am;** | **SYARAT AM UNIVERSITI**<br><br>Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia Kertas Julai<br>dan<br><br>Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00** dan mendapat sekurang-kurangnya:<br>• **Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am;** |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| mendapat sekurang-kurangnya:<br>2.1 Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am; dan<br>2.2 Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain dan<br>2.3 Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (band 1) dalam MUET<br>2.4 Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)<br>2.5 Memiliki mana-mana kelayakan berikut:<br>2.5.1 Mendapat sekurang- | • **Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain**<br>atau<br>Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat **Jayyid dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)**<br>dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET).**<br><br>**SARJANA MUDA SAINS KEMANUSIAAN (KOMUNIKASI) (KEPUJIAN)**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada peringkat STPM;<br>dan<br>Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) | **Pengajian Am;**<br>**dan**<br>• **Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain**<br>atau<br>Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat **Jayyid dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)**<br>dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET).**<br><br>**USULUDDIN**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Usuluddin<br>atau<br>Mendapat sekurang- | **dan**<br>• **Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain**<br>atau<br>Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat **Jayyid dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)**<br>dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET).**<br><br>**SAINS SOSIAL (ANTROLOPOLOGI DAN DAKWAH)**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C (NGMP 2.00)** pada peringkat STPM dalam **mana-mana dua (2)** mata pelajaran berikut: | **dan**<br>• **Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain**<br>atau<br>Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat **Jayyid dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)**<br>dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET).**<br><br>**PENGAJIAN ISLAM (USULUDDIN DAN FALSAFAH)**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Arab<br>Usuluddin; dan |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mana-mana dua (2) mata pelajaran berikut:<br>- Bahasa Arab<br>- Syariah / Usuluddin<br>2.5.2 Mendapat sekurang-kurangnya Kepujian pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>- Bahasa Arab Tinggi;<br>- Mana-mana dua (2) mata pelajaran berikut:<br>1) Bahasa Arab Komunikasi<br>2) Pendidikan Islam<br>3) Tasawwur Islam<br>4) Pendidikan | dengan mendapat sekurang-kurangnya tahap Jayyid Jiddan; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya 4B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris; atau sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam MUET; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya kepujian pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Pendidikan Islam / Tasawwur Islam / Pendidikan Al-Qur'an & As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah<br>Matematik / Matematik Tambahan<br>Mana-mana tiga (3) mata pelajaran lain termasuk Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia | kurangnya tahap Jayyid Jiddan pada peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM);<br>dan<br>Mendapat sekurang-kurangnya kepujian pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Arab Tinggi (Lulus Sijil Thanawi boleh diterima sebagai ganti kelulusan Bahasa Arab Tinggi pada peringkat SPM).<br><br>**PENGURUSAN MUAMALAT**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Syariah<br>atau<br>Mendapat sekurang-kurangnya tahap Jayyid Jiddan pada peringkat Sijil Tinggi Agama | Bahasa Melayu<br>Bahasa Arab<br>Sejarah<br>Geografi<br>Kesusasteraan Melayu<br>Literature in English<br>Ekonomi<br>Syariah<br>Usuluddin<br>Perakaunan<br>Pengajian Perniagaan<br>Computing<br>Mathematics S / Mathematics T / Further Mathematics T<br>dan<br>Mendapat sekurang-kurangnya **lima (5) kepujian** pada peringkat SPM termasuk:<br>Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.<br><br>**PENGAJIAN ISLAM (USULUDDIN)**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C | mana-mana satu (1) daripada mata pelajaran berikut:<br>Syariah<br>Bahasa Melayu<br>Sejarah<br>Geografi<br>Kesusasteraan Melayu<br>Literature in English<br>Ekonomi<br>Pengajian Perniagaan<br>Perakaunan<br>Computing<br>Mathematics S / Mathematics T / Further Mathematics T<br>atau<br>Mendapat sekurang-kurangnya **Pangkat Jayyid** dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).<br><br>**PENGAJIAN ISLAM (SYARIAH)**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Syariah Islamiyyah<br>5) Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah<br>dan<br>6) Mana-mana satu (1) mata pelajaran lain tidak termasuk Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia<br>dan<br>2.6 Mendapat sekurang-kurangnya Lulus pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>- Bahasa Inggeris<br>- Matematik/ Matematik Tambahan<br>- Fizik/Kimia/ Biologi/Sains/ Sains Tambahan /Sains Pertanian | **SARJANA MUDA SAINS KEMANUSIAAN (SAINS POLITIK) (KEPUJIAN)**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada peringkat STPM;<br>dan<br><br>Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya tahap Jayyid Jiddan; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya 4B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris; atau sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam MUET; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya kepujian pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Pendidikan Islam / | Malaysia (STAM);<br>dan<br>Mendapat sekurang-kurangnya kepujian pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Arab Tinggi (Lulus Sijil Thanawi boleh diterima sebagai ganti kelulusan Bahasa Arab Tinggi pada peringkat SPM).<br><br>**SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Syariah<br>atau<br>Mendapat sekurang-kurangnya tahap Jayyid Jiddan di peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM);<br>dan<br>Mendapat sekurang- | (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Arab<br>dan<br>Mendapat sekurang-kurangnya kepujian pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Arab Tinggi;<br>mana-mana DUA (2) daripada mata pelajaran berikut:<br>Pendidikan Syariah Islamiah<br>Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah<br>Tasawwur Islam; dan<br>Mana-mana SATU (1) mata pelajaran yang lain tidak termasuk :<br>Bahasa Melayu /Bahasa Malaysia.<br>dan<br>Mendapat sekurang-kurangnya lulus pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Inggeris | mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Arab<br>Syariah; dan<br>mana-mana satu (1) daripada mata pelajaran berikut:<br>Usuluddin<br>Bahasa Melayu<br>Sejarah<br>Geografi<br>Kesusasteraan Melayu<br>Literature in English<br>Ekonomi<br>Pengajian Perniagaan<br>Perakaunan<br>Computing<br>Mathematics S /<br>Mathematics T /<br>Further Mathematics T<br>atau<br>Mendapat sekurang-kurangnya **Pangkat Jayyid** dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).<br><br>**PENGAJIAN ISLAM (PENGAJIAN ARAB DAN TAMADUN ISLAM)** |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN AS-SUNNAH**<br><br>Syarat kemasukannya:<br>1. Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian sekurang-kurangnya lima (5) mata pelajaran termasuklah mata pelajaran berikut:<br>- Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia<br>- Bahasa Arab Tinggi<br>- Mana-mana dua (2) daripada mata pelajaran berikut:<br>- Pendidikan Islam<br>- Tasawwur Islam<br>- Pendidikan Syariah Islamiyyah<br>- Pendidikan al-Quran dan As-Sunnah<br>- Satu (1) mata pelajaran lain, Dan | Tasawwur Islam / Pendidikan Al-Qur'an & As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah<br>Matematik / Matematik Tambahan<br>Mana-mana tiga (3) mata pelajaran lain termasuk Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia.<br><br>**SARJANA MUDA SAINS KEMANUSIAAN (SEJARAH & TAMADUN) (KEPUJIAN)**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada peringkat STPM;<br>dan<br>Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya tahap Jayyid Jiddan;dan | kurangnya kepujian pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Arab Tinggi<br>Bahasa Inggeris<br><br>**PENDIDIKAN ISLAM**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Syariah/Usuluddin<br>atau<br>Mendapat sekurang-kurangnya tahap Jayyid Jiddan di peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM);<br>dan<br>Mendapat sekurang-kurangnya kepujian pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Arab Tinggi<br>(Lulus Sijil Thanawi boleh diterima sebagai ganti kelulusan Bahasa Arab Tinggi pada | **PENGAJIAN ISLAM (SYARIAH)**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Arab<br>dan<br>Mendapat sekurang-kurangnya kepujian pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Arab Tinggi;<br>Mana-mana DUA (2) daripada mata pelajaran berikut:<br>Pendidikan Syariah Islamiah<br>Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah<br>Tasawwur Islam; dan<br>Mana-mana SATU (1) mata pelajaran yang lain tidak termasuk Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia.<br>dan<br>Mendapat sekurang- | Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Arab<br>Syariah / Usuluddin;<br>dan<br>mana-mana satu (1) daripada mata pelajaran berikut:<br>Usuluddin<br>Syariah<br>Bahasa Melayu<br>Sejarah<br>Geografi<br>Kesusasteraan Melayu<br>Literature in English<br>Ekonomi<br>Pengajian Perniagaan<br>Perakaunan<br>Computing<br>Mathematics S /<br>Mathematics T /<br>Further Mathematics<br>atau<br>Mendapat sekurang-kurangnya **Pangkat Jayyid** dalam Sijil Tinggi |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| - Lulus Bahasa Inggeris pada peringkat tersebut.<br><br>2. Memiliki mana-mana kelayakan berikut:<br>2.1 Lulus STAM dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid; atau<br>2.2 Lulus STPM dengan sekurang-kurangnya gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am dan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran berikut:<br>- Bahasa Arab; dan<br>- Syariah/Usuluddin; atau<br>Mempunyai kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf | Mendapat sekurang-kurangnya 4B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris; atau sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam MUET; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya kepujian pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Pendidikan Islam / Tasawwur Islam / Pendidikan Al-Qur'an & As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah<br>Matematik / Matematik Tambahan<br>Mana-mana tiga (3) mata pelajaran lain termasuk<br>Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia.<br><br>**SARJANA MUDA SAINS KEMANUSIAAN (SOSIOLOGI &** | peringkat SPM).<br>dan<br>Lulus Ujian MEdSI dan temu duga. | kurangnya lulus pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Inggeris<br><br>**PENGAJIAN ISLAM (DAKWAH)**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Arab<br>dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya kepujian pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Arab Tinggi;<br>Mana-mana DUA (2) daripada mata pelajaran berikut:<br>Pendidikan Syariah Islamiah<br>Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah<br>Tasawwur Islam; dan<br>Mana-mana SATU (1) | Agama Malaysia (STAM).<br><br>**PENGAJIAN ISLAM (PENGAJIAN DAKWAH DAN KEPIMPINAN)**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Arab<br>Syariah / Usuluddin;<br>dan<br>mana-mana satu (1) daripada mata pelajaran berikut:<br>Usuluddin<br>Syariah<br>Bahasa Melayu<br>Sejarah<br>Geografi<br>Kesusasteraan Melayu<br>Literature in English<br>Ekonomi<br>Pengajian Perniagaan<br>Perakaunan<br>Computing |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti.<br><br>Telah memenuhi keperluan MUET<br><br>Selain daripada kelayakan akademik, sikap positif, aktif, cemerlang dalam kepimpinan dan pengetahuan am adalah diberi keutamaan.<br><br>**FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG**<br><br>2.1 Lulus SPM/Setaraf dengan mendapat kepujian sekurang-kurangnya dalam (5) mata pelajaran termasuk mata pelajaran berikut:<br>2.1.1 Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia. | **ANTROPOLOGI) (KEPUJIAN)**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada peringkat STPM; dan<br><br>Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya tahap Jayyid Jiddan; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya 4B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris; atau sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam MUET; dan<br>Mendapat sekurang-kurangnya kepujian pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Pendidikan Islam /<br>Tasawwur Islam /<br>Pendidikan Al-Qur'an & As-Sunnah /<br>Pendidikan Syariah | | mata pelajaran yang lain tidak termasuk Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia.<br>dan<br>Mendapat sekurang-kurangnya lulus pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Inggeris<br><br>**USULUDDIN DAN KAUNSELING**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Arab<br>dan<br>Mendapat sekurang-kurangnya kepujian pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Arab Tinggi;<br>mana-mana DUA (2) daripada mata pelajaran berikut:<br>Pendidikan Syariah | Mathematics S /<br>Mathematics T /<br>Further Mathematics T<br>atau<br>Mendapat sekurang-kurangnya **Pangkat Jayyid** dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).<br><br>**PENGAJIAN ISLAM (PENGAJIAN AL- QURAN DAN AL-SUNNAH)**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Arab<br>Syariah / Usuluddin;<br>dan<br>mana-mana satu (1) daripada mata pelajaran berikut:<br>Usuluddin<br>Syariah<br>Bahasa Melayu<br>Sejarah |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 2.1.2 Bahasa Arab Komunikasi / Bahasa Arab Tinggi.<br>2.1.3 Pendidikan Islam/ Tasawwur Islam /Pendidikan Syariah Islamiyyah<br>2.1.4 Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah<br>2.1.5 Matematik dan Lulus Bahasa Inggeris pada peringkat tersebut.<br>2.2 Memiliki mana-mana kelayakan berikut:<br>2.2.1 Lulus Tamhidi USIM (Syariah dan Undang-Undang) dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.00 atau<br>2.2.2 Lulus STAM dengan | Islamiah<br>Matematik /<br>Matematik Tambahan<br>Mana-mana tiga (3) mata pelajaran lain termasuk<br>Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia<br><br>**SARJANA MUDA SAINS KEMANUSIAAN (PSIKOLOGI) (KEPUJIAN)**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada peringkat STPM;<br>dan<br>Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya tahap Jayyid Jiddan; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya 4B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris; atau sekurang- | | Islamiah<br>Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah<br>Tasawwur Islam; dan mana-mana SATU (1) mata pelajaran yang lain tidak termasuk Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia.<br>dan<br>Mendapat sekurang-kurangnya lulus pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Bahasa Inggeris | Geografi<br>Kesusasteraan Melayu<br>Literature in English<br>Ekonomi<br>Pengajian Perniagaan<br>Perakaunan<br>Computing<br>Mathematics S /<br>Mathematics T /<br>Further Mathematics T<br>atau<br>Mendapat sekurang-kurangnya **Pangkat Jayyid** dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| sekurantg-kurangnya pangkat Jayyid, atau<br>2.2.3 Lulus STPM dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am dan sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) dalam mata pelajaran berikut:<br>2.2.3.1 Bahasa Arab; dan<br>2.2.3.2 Syariah atau<br>2.2.4 Mempunyai kelulusan Diploma dalam bidang Syariah atau Syarian Perbandingan atau kelulusan lain yang | kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam MUET; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya kepujian pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Pendidikan Islam / Tasawwur Islam / Pendidikan Al-Qur'an & As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah<br>Matematik / Matematik Tambahan<br>Mana-mana tiga (3) mata pelajaran lain termasuk<br>Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia<br><br>**SARJANA MUDA SAINS KEMANUSIAAN (BAHASA & KESUSASTERAAN INGGERIS) (KEPUJIAN)**<br><br>Mendapat sekurang- | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti.<br>2.3 Telah memenuhi keperluan MUET sekurang-kurangnya tahap 3 atau kelulusan setaraf bagi pemohon luar Negara.<br><br>2.4 Selain daripada kelayakan akademik, sikap positif, aktif, cemerlang dalam kepimpinan dan pengetahuan | kurangnya PNGK 3.00 pada peringkat STPM; dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) dalam mata pelajaran Kesusasteraan Inggeris; dan<br>Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya tahap Jayyid Jiddan; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya 2A dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat SPM; dan<br>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 4 (Band 4) dalam MUET; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya kepujian pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:<br>Pendidikan Islam / Tasawwur Islam / | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Pendidikan Al-Qur'an & As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah<br>Matematik / Matematik Tambahan<br>Mana-mana tiga (3) mata pelajaran lain termasuk<br>Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia<br><br>**SARJANA MUDA SAINS KEMANUSIAAN (BAHASA & KESUSASTERAAN ARAB)(KEPUJIAN)**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada peringkat STPM; dan<br>Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya tahap Jayyid Jiddan; dan | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran Bahasa Arab; dan<br>Mendapat sekurang-kurangnya 2A pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi; atau<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya 3B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya lulus pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris; atau mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam MUET; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya 3B pada peringkat SPM dalam | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | mata pelajaran Pendidikan Islam /Tasawwur Islam/ Pendidikan Al-Qur'an & As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah; dan Mendapat sekurang-kurangnya kepujian pada peringkat SPM dalam mana-mana empat (4) mata pelajaran lain termasuk Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya lulus pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Matematik / Matematik Tambahan<br><br>**SARJANA MUDA ILMU WAHYU & WARISAN ISLAM (PENGAJIAN QURAN & SUNNAH) (KEPUJIAN)**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00 | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | pada peringkat STPM; dan<br><br>Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya tahap Jayyid Jiddan; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran Syariah/Usuluddin; dan Mendapat sekurang-kurangnya 2A pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi; atau mendapat sekurang-kurangnya 3B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya lulus pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Inggeris; atau mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam MUET; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya 3B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Pendidikan Islam /Tasawwur Islam/ Pendidikan Al-Qur'an & As-Sunnah/Pendidikan Syariah Islamiah; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya kepujian pada peringkat SPM dalam mana-mana empat (4) mata pelajaran lain termasuk Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya lulus pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Matematik / Matematik Tambahan | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **SARJANA MUDA ILMU WAHYU & WARISAN ISLAM (FIKAH & USUL FIKAH) (KEPUJIAN)**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada peringkat STPM; dan<br>Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya tahap Jayyid Jiddan; dan<br>Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran Syariah/Usuluddin; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya 2A pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi; atau mendapat sekurang-kurangnya 3B pada peringkat SPM dalam | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya lulus pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris; atau mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam MUET; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya 3B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Pendidikan Islam /Tasawwur Islam/ Pendidikan Al-Qur'an & As-Sunnah/Pendidikan Syariah Islamiah; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya kepujian pada peringkat SPM dalam mana-mana empat (4) mata pelajaran lain termasuk Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia; dan | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Mendapat sekurang-kurangnya lulus pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Matematik/ Matematik Tambahan<br><br>**SARJANA MUDA ILMU WAHYU & WARISAN ISLAM (USULUDDIN & PERBANDINGAN AGAMA) (KEPUJIAN)**<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada peringkat STPM; dan<br><br>Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya tahap Jayyid Jiddan; dan Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran Syariah/Usuluddin; dan | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Mendapat sekurang-kurangnya 2A pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi; atau mendapat sekurang-kurangnya 3B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya lulus pada peringkat SPM dalam mata pelajaranBahasa Inggeris; atau mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam MUET; dan<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya 3B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Pendidikan Islam /Tasawwur Islam/ Pendidikan Al-Qur'an & As-Sunnah/Pendidikan Syariah Islamiah; dan | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Mendapat sekurang-kurangnya kepujian pada peringkat SPM dalam mana-mana empat (4) mata pelajaran lain termasuk Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia; dan Mendapat sekurang-kurangnya lulus pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Matematik/ Matematik Tambahan. | | | |

Jadual 2.6 Kelayakan dan kepakaran pensyarah Universiti Malaya

| FAKULTI | PROGRAM / JABATAN | Ph.D | MA | BA | JUMLAH | PROFESOR | PROF. MADYA |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Fiqh & Usul/Falak | 11 | 2 | 2 | 15 | 0 | 6 |
| | Syariah & Undang-undang | 6 | 4 | 1 | 11 | 1 | 3 |
| | Syariah & Ekonomi | 4 | 4 | 2 | 10 | 1 | 0 |
| | Syariah & Pengurusan | 4 | 6 | 1 | 11 | 0 | 1 |
| | Siasah Syar'iyyah | 3 | 4 | 0 | 7 | 0 | 1 |
| | **BAHAGIAN USULUDDIN** | | | | | | |
| | Al-Qur'an & Al-Hadith | 6 | 2 | 4 | 12 | 1 | 4 |
| | Akidah & Pemikiran Islam | 8 | 6 | 0 | 14 | 0 | 8 |
| | Sejarah & Tamadun Islam | 6 | 4 | 2 | 12 | 0 | 3 |
| | Dakwah & Pembangunan Insan | 3 | 6 | 0 | 9 | 1 | 0 |
| | **Program Pendidikan Islam** | 0 | 2 | 1 | 3 | | |
| | **Program Sains Gunaan dengan Pengajian Islam** | 1 | 0 | 1 | 2 | | |
| **JUMLAH** | | **52 (49.05 %)** | **40 (37.74 %)** | **14 (13.20 %)** | **106** | **4 (3.7%)** | **26 (24.52%)** |

*Sumber*: Buku Panduan Program Ijazah Dasar 2009/2010

Jadual 2.7 Kelayakan dan kepakaran pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia

| FAKULTI | PROGRAM / JABATAN | Ph.D | MA | BA | JUMLAH | PROFESOR | PROF. MADYA |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Fakulti Pengajian Islam | Jabatan Syariah | 12 | 18 | 1 | 31 | 2 | 6 |
| | Jabatan Usuluddin & Falsafah | 11 | 12 | 1 | 24 | 5 | 7 |
| | Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam | 10 | 9 | | 19 | 2 | 4 |
| | Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah | 7 | 13 | | 20 | 0 | 2 |
| | Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan | 9 | 6 | | 15 | 1 | 5 |
| **JUMLAH** | | **49 (44.95%)** | **58 (53.22%)** | **2 (1.83%)** | **109** | **10 (9.17%)** | **24 (22.01%)** |

*Sumber*: Panduan prasiswazah FPI Sesi Akademik 2009-2010

Jadual 2.8 Kelayakan dan kepakaran pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

| FAKULTI | PROGRAM / JABATAN | Ph.D | MA | BA | JUMLAH | PROFESOR | PROF. MADYA |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Islamic Revealed Knowledge and Heritage | Arabic Language & Literature | 27 | 5 | | 32 | 2 | 6 |
| | Fiqh & Usul al-Fiqh | 21 | 2 | | 23 | 2 | 4 |
| | Quran & Sunnah | 20 | 2 | | 22 | 1 | 6 |
| | Usul al-Din & Comparative Religion | 28 | 3 | | 31 | 3 | 6 |
| | Department of Islamic Law | 43 | 7 | | 50 | 1 | 9 |
| **JUMLAH** | | **139 (87.97%)** | **19 (12.02%)** | | **158** | **9 (5.6%)** | **31 (19.62%)** |

*Sumber*: Study Plan Handbook 1st Edition 2008

Jadual 2.9 Kelayakan dan kepakaran pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia

| FAKULTI | Ph.D | MA | BA | JUMLAH | PROFESOR | PROF. MADYA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Fakulti Kepimpinan & Pengurusan | 15 | 24 | 19 | 61 | 4 | 2 |
| Fakulti Quran & Sunnah | 12 | 17 | 11 | 40 | 3 | 1 |
| Fakulti Undang-undang Perundangan | 10 | 36 | 12 | 58 | 2 | 0 |
| **JUMLAH** | **37 (23.71%)** | **77 (49.35%)** | **42 (26.92%)** | **156** | **7 (4.45%)** | **2 (1.3%)** |

*Sumber*: E-panduan Program Sarjana Muda Sesi Akademik 2009/2010

Jadual 2.10 Kelayakan dan kepakaran pensyarah Universiti Darul Iman Malaysia

| FAKULTI | PROGRAM / JABATAN | Ph.D | MA | BA | JUMLAH | PROFESOR | PROF. MADYA |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Fakulti Pengajian Kontemporari Islam | Jabatan Syariah | 2 | 23 | | 25 | | 1 |
| | Jabatan Usuluddin | 3 | 10 | | 13 | | |
| | Jabatan Dakwah | 1 | 5 | | 6 | | |
| | Jabatan al-Quran & al-Sunnah | 2 | 2 | | 4 | | |
| | Jabatan Pendidikan & Tamadun Islam | 1 | 21 | | 22 | | |
| | Bidang tidak dapat dikesan | 2 | 6 | 34 | 42 | | |
| **JUMLAH** | | **11 (9.82%)** | **67 (59.82%)** | **34 (30.35%)** | **11** | | 1 |

*Sumber: http://www.fki.udm.my/index.php, 06.05.2010*

Jadual 2.11 Kelayakan dan kepakaran keseluruhan pensyarah Pengajian Islam

| **PROGRAM / JABATAN** | **Ph.D** | **MA** | **BA** | **JUMLAH** | **PROFESOR** | **PROF. MADYA** |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Universiti Malaya | 52 | 40 | 14 | 106 | 4 | 26 |
| Universiti Kebangsaan Malaysia | 49 | 58 | 2 | 109 | 10 | 24 |
| Universiti Islam Antarabangsa Malaysia | 139 | 19 | 0 | 158 | 9 | 31 |
| Universiti Sains Islam Malaysia | 38 | 77 | 42 | 157 | 7 | 2 |
| Universiti Darul Iman Malaysia | 11 | 67 | 34 | 112 | 0 | 1 |
| **JUMLAH** | **289 (45.9%)** | **261 (40.65%)** | **92 (14.33%)** | **642** | **30 (4.7%)** | **83 (12.9%)** |

## 2.4 KUALITI PENSYARAH

Jadual 2.6, Jadual 2.7, Jadual 2.8, Jadual 2.9 dan Jadual 2.10 menunjukkan maklumat pensyarah berdasarkan kelayakan dan kepakaran lima (5) buah universiti. Kelayakan dirujuk kepada pemegang Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda. Kepakaran juga dirujuk kepada status Profesor dan Profesor Madya.

Jadual 2.11 adalah keseluruhan kelayakan dan kepakaran pensyarah Pengajian Islam di Malaysia. Statistik tersebut menunjukkan bahawa:

i. Pemegang ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pengajian Islam masih jauh daripada sasaran Kementerian Pengajian Tinggi, iaitu 45.9% daripada 70% yang disasarkan.
ii. Penyandang Profesor terlalu rendah, iaitu 4.7%. Kemungkinan ini disebabkan kualiti dan budaya penyelidikan masih pada tahap rendah, di samping kekangan kemudahan dan peluang penyelidikan yang disediakan terbatas.

## 2.5 KESIMPULAN

Hasil kajian Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia mendapati senario Pengajian Islam di Malaysia masa kini menunjukkan seperti bentuk / struktur program yang ditawarkan berbeza dari sudut Matrikulasi/*Tamhidi* dan juga pada peringkat Ijazah Sarjana Muda, syarat kemasukan program juga mempunyai perbezaan, dan terdapat kekuatan pada beberapa aspek dalam Pengajian Islam. Bagi memantapkan lagi bidang Pengajian Islam, beberapa cadangan penambahbaikan dikemukakan dalam bab seterusnya.

# BAB III

## Kekuatan dan Permasalahan Pengajian Islam di Malaysia Masa Kini

### 3.1 PENGENALAN

Kajian komprehensif dilakukan untuk mencapai terma rujukan berikut:

1. Mengenal pasti dan mengemukakan cadangan konkrit bagi meningkatkan mutu kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, prasarana dan tenaga pengajar dalam bidang Pengajian Islam di Malaysia, sesuai dengan perkembangaan semasa dan tuntutan masa depan pada peringkat kebangsaaan dan antarabangsa.

2. Meneliti dan mencadangkan langkah-langkah serta pendekatan terbaik bagi mendapatkan pelajar seterusnya menghasilkan siswazah bermutu tinggi dan bertaraf dunia.

3. Mencadangkan kaedah terbaik dan terkini untuk meningkatkan mutu penyelidikan, perundingan dan khidmat nasihat dalam bidang Pengajian Islam di Malaysia.

4. Meneliti dan mencadangkan bentuk pengurusan dan pentadbiran Pengajian Islam yang terbaik di Malaysia.

5. Mencadangkan model pendidikan Pengajian Islam di Malaysia.

Pada umumnya, kajian ini bertujuan untuk menganalisis hala tuju Pengajian Islam di Malaysia. Secara khusus, kajian ini bertujuan seperti berikut:

1. Mengkaji sejarah perkembangan Pengajian Islam di Malaysia yang mencorak hala tuju Pengajian Islam masa kini.

2. Mengenal pasti senario Pengajian Islam di Malaysia masa kini dari segi keupayaannya sebagai satu sistem pendidikan yang kompetitif,

memenuhi tuntutan semasa dan melahirkan insan kompetitif untuk berhadapan dengan cabaran globalisasi.

3. Menganalisis kekuatan dan isu yang perlu diberi perhatian dalam Pengajian Islam di Malaysia.

4. Mencadangkan falsafah, keberhasilan utama dan Model Pengajian Islam sebagai asas kepada hala tuju Pengajian Islam di Malaysia.

## 3.2 METODOLOGI KAJIAN

Kajian tinjauan dilakukan dengan mengumpul data prima daripada seramai 517 responden melalui soal selidik. Responden terdiri daripada 83 orang pelajar siswazah, 80 graduan, 81 majikan, dan 106 pensyarah. Temubual juga dilakukan kepada wakil majikan dan pakar Pengajian Islam di Malaysia.

Soal selidik diukur berdasarkan *Skala Likert* dengan menggunakan 5 skala, iaitu:

- Sangat setuju
- Setuju
- Tidak pasti
- Tidak setuju
- Sangat tidak setuju

Nilai min 3.5 hingga 5.0 diukur sebagai item yang mempunyai kekuatan.
Nilai min 1.0 hingga 3.49 diukur sebagai item yang perlu diberi perhatian.

## 3.3 KEKUATAN PENGAJIAN ISLAM DI MALAYSIA

Berdasarkan soal selidik yang diedarkan kepada responden prasiswazah, siswazah, graduan, pensyarah dan majikan, terdapat beberapa kekuatan dalam Pengajian Islam di Malaysia. Kekuatan tersebut dilihat dari sudut seperti yang berikut:

1. Mutu Kurikulum
    - i. Penguasaan ilmu asas
    - ii. Penyelesaian masalah
    - iii. Pembelajaran sepanjang hayat
    - iv. Pembentukan pelajar beretika, berakhlak dan bertanggungjawab
    - v. Kurikulum menepati minat pelajar
    - vi. Memenuhi bidang pengkhususan pelajar
    - vii. Kurikulum boleh diaplikasikan

2. Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran
    i. Penyampaian pengajaran secara jelas
    ii. Galakan merujuk bahan yang berkait dengan kursus
    iii. Memberi peluang menyatakan pandangan
    iv. Pensyarah menunjukkan kesungguhan dalam pengajaran
    v. Bersikap mesra dan prihatin

3. Kualiti Tenaga Pengajar
    i. Sumber inspirasi dari segi akademik
    ii. Berkeupayaan dalam bidang
    iii. Menjadi *role model*
    iv. Membentuk peribadi pelajar cemerlang

4. Kualiti Pelajar
    i. Berketerampilan
    ii. Mempunyai ilmu asas yang mantap
    iii. Berupaya memberikan pendapat dan pandangan yang membina
    iv. Mempunyai keyakinan diri yang tinggi
    v. Kerja secara berkumpulan

5. Kualiti Prasarana
    i. Persekitaran universiti yang selesa
    ii. Kemudahan sukan dan rekreasi
    iii. Dewan kuliah dan tutorial yang sesuai

6. Pengurusan dan Pentadbiran
    i. Berusaha meningkatkan kualiti pembelajaran
    ii. Sokongan kepada pelajar menjalankan aktiviti
    iii. Dorongan dan peluang kepada pelajar untuk meningkatkan pembelajaran

7. Penyelidikan
    i. Penyelidikan bidang Pengajian Islam yang baik
    ii. Dapat dimanfaatkan
    iii. Boleh dikomersialkan

8. Profesion Pengajian Islam
    i. Relevan dengan pasaran kerja
    ii. Berkebolehan menceburi bidang lain selain daripada Pengajian Islam

iii. Mempunyai banyak peluang untuk mendapat kerja yang sesuai

## 3.4 PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN

Berdasarkan kajian, terdapat beberapa permasalahan Pengajian Islam di Malaysia yang perlu diberi perhatian dan dibuat penambahbaikan. Hasil kajian ini adalah berdasarkan kepada persepsi graduan, pelajar prasiswazah, siswazah dan pensyarah. Permasalahan adalah seperti yang berikut:

### Mutu Kurikulum

Terdapat empat perkara yang dikenal pasti yang menjadi permasalahan dalam kurikulum Pengajian Islam di Malaysia. Perkara tersebut adalah seperti berikut:

1. Keusahawanan: Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi tentang aspek keusahawanan mendapat nilai min rendah, iaitu prasiswazah (3.43), siswazah (3.02), pensyarah (3.40), dan graduan (3.22).
2. Kemahiran ICT: Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi tentang aspek keusahawanan mendapat nilai min rendah, iaitu siswazah (3.43).
3. Pemikiran kritis dan kreatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi tentang aspek pemikiran kritis dan kreatif mendapat nilai min rendah, iaitu dalam kalangan responden pensyarah (3.1).
4. Mampu merujuk dan memahami kitab-kitab Turath: Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi tentang aspek kemampuan merujuk dan memahami kitab-kitab Turath mendapat nilai min rendah, iaitu graduan (3.48) dan pensyarah (3.14).

### Kualiti Pengajaran dan pembelajaran (P&P)

Aspek pengajaran dan pembelajaran merupakan aspek penting dalam menentukan tahap sesuatu pengajian. Oleh itu kajian ini mendapatkan maklum balas responden terhadap kualiti P&P. Terdapat tiga perkara yang dikenal pasti menjadi permasalahan dalam P&P Pengajian Islam di Malaysia. Antaranya seperti berikut:

1. Penggunaan e-pembelajaran dalam pengajaran: Kajian mendapati persepsi responden terhadap penggunaan e-pembelajaran dalam

pengajaran mencapai nilai min rendah, iaitu siswazah (3.25) dan graduan (3.04).

2. Menggunakan bahan penyelidikan dalam pengajaran: Kajian mendapati persepesi responden terhadap penggunaan bahan penyelidikan dalam pengajaran mencapai nilai min rendah, iaitu siswazah (3.40) dan graduan (3.35).
3. Menggunakan alat bantu mengajar: Kajian mendapati persepsi responden terhadap penggunaan alat bantu mengajar mencapai nilai min rendah, iaitu responden dalam kalangan graduan (3.23).

Kualiti Tenaga pengajar / pensyarah

Bidang Pengajian Islam dapat dipertingkatkan dengan adanya pensyarah yang berkualiti. Kajian ini mendapatkan pandangan responden dalam kalangan pensyarah terhadap persepsi dan pengalaman mereka mengenai pensyarah Pengajian Islam. Terdapat empat perkara yang dikenal pasti menjadi permasalahan kualiti tenaga pengajar / pensyarah Pengajian Islam di Malaysia. Perkara tersebut adalah seperti berikut:

1. Kaedah pengajaran dan pembelajaran e-pembelajaran: Dapatan kajian menunjukkan persepesi responden berkaitan Kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui e-pembelajaran berada pada tahap min yang rendah, iaitu 3.35.
2. Terlibat dalam aktiviti antarabangsa: Dapatan kajian menunjukkan persepsi responden berkaitan keterlibatan pensyarah dalam aktiviti antarabangsa berada pada tahap min yang rendah, iaitu 3.35.
3. Membentuk kerjaya pelajar cemerlang: Dapatan kajian menunjukkan persepsi responden berkaitan membentuk kerjaya pelajar cemerlang berada pada tahap min yang rendah, iaitu 3.47.

Kualiti Pelajar

Kualiti pelajar adalah satu aset bagi mengukur sejauhmana kualiti bidang Pengajian Islam secara keseluruhan. Kajian ini memperoleh dapatan tahap persetujuan dalam kalangan graduan, pelajar dan siswazah. Terdapat dua perkara yang dikenal pasti yang menjadi permasalahan kualiti pelajar Pengajian Islam di Malaysia seperti berikut:

1. Kemahiran bahasa Arab dan Inggeris: Bahasa Arab adalah bahasa asas kepada Pengajian Islam kerana kebanyakan rujukan asas adalah dalam bahasa Arab. Walau bagaimanapun, Bahasa Inggeris pula adalah bahasa yang boleh mengangkat graduan pada peringkat antarabangsa. Oleh itu, kedua-dua bahasa tersebut adalah amat

penting dalam menentukan kualiti pelajar. Hasil kajian menunjukkan nilai min persepsi responden berada di tahap rendah, iaitu graduan 3.36 bagi bahasa Arab dan bahasa Inggeris pula adalah 3.35, manakala persepsi pelajar pra-siswazah adalah 3.47.

2. Penguasaan dalam merujuk kitab Turath. Kualiti pelajar ditentukan dengan kemampuan mereka merujuk kitab Turath sebagai asas kepada ilmu Islam. Hasil kajian menunjukkan persepsi responden berada pada tahap rendah, iaitu prasiswazah 3.36 dan graduan 3.32.

Kualiti Prasarana

Prasarana adalah kemudahan yang disediakan kepada warga universiti bertujuan memudahkan mereka menjalankan tugas masing-masing. Kualiti prasarana merupakan antara elemen yang penting bagi membantu dan memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran di universiti. Antara aspek kemudahan atau prasarana yang diuji tahap persetujuan dalam kajian ini adalah seperti kemudahan dewan kuliah dan tutorial, makmal, perpustakaan, kemudahan sukan, kolej kediaman dan persekitaran. Terdapat tiga perkara yang dikenal pasti menjadi permasalahan kualiti prasarana Pengajian Islam di Malaysia seperti berikut:

1. Makmal pengajaran
   Dapatan kajian menunjukkan persepsi responden dalam kalangan siswazah dan pensyarah berada pada tahap rendah. Pandangan yang menyatakan makmal P&P bersesuaian dengan bilangan pelajar, siwazah 3.45 dan pensyarah 3.43. Bagi makmal pengajaran dilengkapi dengan kemudahan terkini, siswazah 3.37 dan pensyarah 3.38.

2. Perpustakaan
   Dapatan kajian menunjukkan maklum balas responden dalam kalangan pensyarah yang menyatakan perpustakaan mempunyai bahan rujukan yang sesuai dan mencukupi, berada pada tahap min yang rendah, iaitu 3.32.

3. Kolej kediaman
   Dapatan kajian menunjukkan persepsi pensyarah yang menyatakan kolej kediaman pelajar sesuai dan mencukupi nilai min adalah rendah 3.43.

Pengurusan dan pentadbiran

Pengurusan dan pentadbiran memainkan peranan penting dalam sesebuah organisasi. Aspek ini menjadi satu sub yang diukur tahap persetujuan responden bagi menilai pengurusan dan pentadbiran yang dijalankan dalam Pengajian Islam. Maklum balas diperoleh daripada pelajar prasiswazah, siswazah dan juga pensyarah. Terdapat lima perkara yang dikenal pasti menjadi permasalahan pengurusan dan pentadbiran Pengajian Islam di Malaysia. Antaranya seperti berikut:

1. Mesra pelajar
   Dapatan kajian menunjukkan persepsi responden menyatakan pihak pentadbiran sentiasa mesra pelajar berada pada tahap min yang rendah, iaitu prasiswazah 3.49 dan siswazah 3.26.

2. Melaksanakan tugas dengan cekap, efisen dan berkualiti
   Dapatan kajian menunjukkan persepsi responden menyatakan pihak pentadbiran sentiasa melaksanakan tugas dengan cekap, efisen dan berkualiti berada pada tahap min yang rendah iaitu prasiswazah 3.28 dan pensyarah 3.49.

3. Perkhidmatan kaunter
   Dapatan kajian menunjukkan persepsi responden menyatakan perkhidmatan kaunter sentiasa memberi layanan yang berkesan dan memuaskan berada pada tahap min yang rendah, iaitu siswazah 3.38.

4. Kebajikan pelajar
   Dapatan kajian menunjukkan persepsi responden menyatakan pihak pentadbiran sentiasa perihatin dengan kebajikan pelajar berada pada tahap min yang rendah, iaitu siswazah 3.43.

5. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan telus
   Dapatan kajian menunjukkan persepsi responden menyatakan pihak pentadbiran sentiasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan telus berada pada tahap min yang rendah, iaitu siswazah 3.46.

Penyelidikan

Penyelidikan merupakan satu aspek penting dalam meneruskan kecemerlangan tradisi ilmu termasuk dalam bidang Pengajian Islam. Maklum balas berkaitan aspek ini diperoleh daripada kelompok pensyarah. Terdapat lima perkara yang

dikenal pasti menjadi permasalahan penyelidikan Pengajian Islam di Malaysia seperti berikut:

1. Masa yang mencukupi untuk penyelidikan
   Dapatan kajian menunjukkan persepsi responden menyatakan masa yang mencukupi untuk penyelidikan berada pada tahap min yang rendah, iaitu 2.78.

2. Dana yang mencukupi
   Dapatan kajian menunjukkan persepsi responden terhadap dana yang mencukupi untuk penyelidikan berada pada tahap min yang rendah, iaitu 3.21.

3. Prasarana
   Dapatan kajian menunjukkan persepsi responden mengenai perasarana penyelidikan yang mencukupi berada pada tahap min yang rendah, iaitu 3.24.

4. Budaya penyelidikan
   Dapatan kajian menunjukkan persepsi responden terhadap budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah Pengajian Islam adalah baik berada pada tahap min yang rendah, iaitu pensyarah 3.24.

5. Tahap kualiti penyelidikan
   Dapatan kajian menunjukkan persepsi responden menyatakan tahap kualiti penyelidikan memuaskan berada pada tahap min yang rendah, iaitu pensyarah 3.20.

Pasaran Profesion Pelajar

Pasaran profesion atau kerjaya pelajar dinilai daripada persepsi majikan terhadap pekerja lulusan Pengajian Islam. Terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian, iaitu:

1. Mahir berkomunikasi
   Dapatan kajian menunjukkan persepsi majikan berkaitan dengan kemahiran berkomunikasi berada pada tahap nilai min yang rendah, iaitu 3.48.

2. Berfikiran kritis, kreatif dan inovatif
   Dapatan kajian menunjukkan persepsi majikan berkaitan dengan lulusan Pengajian Islam berfikiran kritis, kreatif dan inovatif berada pada tahap nilai min yang rendah, iaitu 3.25.

3. Merujuk kitab Turath
   Dapatan kajian menunjukkan persepsi majikan berkaitan dengan lulusan Pengajian Islam mampu merujuk kitab Turath berada pada tahap nilai min yang rendah, iaitu 3.48.

4. Menepati waktu
   Dapatan kajian menunjukkan persepsi majikan berkaitan dengan lulusan Pengajian Islam menepati waktu berada pada tahap nilai min yang rendah, iaitu 3.18.

5. Kemahiran ICT
   Dapatan kajian menunjukkan persepsi majikan berkaitan dengan lulusan Pengajian Islam mempunyai kemahiran ICT berada pada tahap nilai min yang rendah, iaitu 3.48.

6. Menguasai Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris
   Dapatan kajian menunjukkan persepsi majikan berkaitan dengan lulusan Pengajian Islam tentang penguasaan bahasa Arab berada pada tahap nilai min yang rendah, iaitu 3.30, manakala Bahasa Inggeris 2.79.

## 3.5 KESIMPULAN

Kajian mengenal pasti permasalahan yang terdapat dalam Pengajian Islam yang merangkumi kurikulum, P&P, kualiti tenaga pengajar, pelajar, penyelidikan, pengurusan dan pentadbiran serta profesion pelajar Pengajian Islam. Berdasarkan permasalahan yang telah dikenal pasti cadangan penambahbaikan perlu diutarakan.

# BAB IV

## Cadangan Penambahbaikan

### 4.1 PENGENALAN

Bab ini mengutarakan cadangan penambahbaikan terhadap isu-isu yang perlu diberi perhatian dalam bidang Pengajian Islam di Malaysia masa kini sebagaimana yang dibincangkan dalam bab yang lalu.

### 4.2 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Cadangan penambahbaikan ini hasil daripada temu bual dengan para tokoh pendidikan dalam Pengajian Islam dan juga daripada soal selidik yang diedarkan kepada responden seperti pelajar, graduan, pensyarah dan majikan.

Jadual 4.1 Cadangan penambahbaikan

| Perkara | Isu yang perlu diberi perhatian | Cadangan | Tindakan |
|---|---|---|---|
